

Jawatan wakil rakyat tanggungjawab besar – Najib

Um - 5/11/2006

PEKAN 4 Nov. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan wakil rakyat dan anggota pentadbiran bahawa jawatan yang digalas mereka itu bukan sesuatu yang mudah kerana ia disertai dengan tanggungjawab yang besar.

Tegasnya, kedudukan yang dimiliki menjadikan wakil rakyat tumpuan dalam masyarakat dan setiap tindak tanduk mereka dinilai oleh rakyat setiap masa.

Ini kerana, kata beliau, rakyat berharap wakil mereka yang berkuasa itu hendaklah orang yang beramanah dan bertanggungjawab.

“Kita sentiasa mengingatkan bahawa apabila kita mempunyai jawatan wakil rakyat, jawatan itu membawa tanggungjawab yang besar yang mana kita mesti dilihat sebagai orang yang beramanah dan bertanggungjawab serta menghormati undang-undang dan peraturan negara.

“Itu adalah satu daripada tanggungjawab besar yang perlu dipikul dan dihayati oleh setiap kita yang mendapat jawatan sebagai wakil rakyat atau anggota pentadbiran,” katanya kepada pemberita pada Majlis Jamuan Aidilfitri 2006 di sini hari ini.

Najib mengulas tindak tanduk be-

berapa Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri Pelabuhan Klang, Datuk Zakaria Md. Deros yang terlibat dalam isu pembinaan rumah tanpa kebenaran MPK.

Najib berkata, sebarang tindakan yang diambil oleh wakil rakyat akan dilihat dalam perspektif yang berlainan berbanding perkara sama yang dilakukan oleh orang awam.

“Ini tidak bererti bahawa orang lain tidak melakukan kesalahan, banyak juga orang yang buat rumah haram, kilang haram, jadi mereka juga lakukan kesalahan tetapi bagi wakil rakyat, tanggungjawab mereka adalah lebih daripada yang lain,” katanya.

Dalam pada itu, mengulas kejayaan Indeks Komposit (IK) melepasi paras 1,000 mata dan mencecah tahap tertinggi tujuh tahun, Najib ber-

kata, beliau gembira dengan perkembangan itu dan berharap ia dapat diper tahankan untuk jangka masa panjang.